

Penswastaan air tanpa inovasi gagal

B.H M/s 10 9.6.07

Syarikat utiliti mesti utama pengurusan bersepadu, cari sumber baru

Oleh Azlinda Abidin

DASAR penswastaan mula mendapat perhatian di negara kita mulai pertengahan 1983 apabila Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan Dasar Pensyarikatan Malaysia yang juga menyentuh peranan swasta dalam pembangunan dan pengurusan negara.

Penswastaan bertentangan dengan pemilikan negara, iaitu satu proses yang menambahkan pemilikan dan penguasaan kerajaan dalam ekonomi. Pada dasarnya, penswastaan membabitkan beberapa kepentingan atau pelaburan kerajaan yang tertentu kepada sektor swasta.

Dasar penswastaan diperkenalkan mempunyai objektif seperti berikut:

- Mengurangkan bebanan kewangan kerajaan.
- Meningkatkan kecekapan dan penghasilan kerja.
- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan keberkesanan negara.
- Pembahagian sumber serta kecekapan.
- Mempercepatkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

INTI PATI

- Isu pembekalan air dan sumber makanan tidak harus dipolitikan kerana ia mampu mengancam kestabilan dan keselamatan negara.
- Peningkatan permintaan, pembaziran penggunaan, serta pencemaran antara punca sumber air negara makin berkurangan.
- Menerusi dasar penswastaan sistem pembekalan air dapat ditingkatkan dengan perkhidmatan lebih cekap dan mapan untuk kepentingan rakyat keseluruhan.
- Dasar penswastaan turut memberi peluang kepada usahawan Bumiputera terbabit dalam pembangunan sektor utiliti negara.

yang kian meningkat serta tidak terkawal.

Negara kita bertuah kerana mempunyai sumber air yang banyak dan menerima kadar taburan hujan tinggi. Oleh itu, Malaysia mempunyai sumber bekalan air mencukupi. Tetapi sedarkah kita kebanyakan sumber air di sesetengah negeri sudah habis dibangunkan dan terpaksa bergantung kepada sumber air dari negeri lain.

Keperluan bekalan air bersih di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk tempoh 2007-2010 akan meningkat kepada 1,500 juta liter sehari (JLH) dan seterusnya akan meningkat kepada 2,260 JLH pada 2010 dan seterusnya. Apa yang pasti sumber air sekarang tidak mampu menampung permintaan kian meningkat.

Dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), sebagai badan kawal selia, negara ini mampu melahirkan industri perkhidmatan air yang berdaya saing dan mapan dalam jangka masa panjang.

Fungsi utama SPAN dalam memastikan rakyat mendapat bekalan air bersih dengan harga kompetitif adalah bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan berkongsi dalam pengurusan perkhidmatan air negara.

Kerajaan Persekutuan akan terbabit da-

pada usahawan Bumiputera dalam meningkatkan kemahiran bidang perkhidmatan air, peningkatan bidang khidmat pelanggan, peningkatan usaha meningkatkan kualiti air dari segi kerja pencucian kolam, penukaran paip lama kepada paip baru, menaik taraf bekalan air, penukaran meter pukal kepada meter individu di kawasan rumah bertingkat (kondo dan flet) dan sebagainya.

Semua usaha menaik taraf sistem perkhidmatan air seperti yang disebutkan itu hanya dapat dilaksanakan selepas dasar penswastaan dilaksanakan. Segala usaha itu dijalankan berikutan komitmen dipersetujui syarikat operator perkhidmatan air kepada pihak kerajaan dalam mematuhi keperluan konsesi yang dimeterai iaitu bagi meningkatkan kecekapan, kualiti khidmat pembekalan air di samping melaksanakan tanggungjawab sosial sebagai syarikat operator perkhidmatan air.

Sampai masanya pengurusan sumber air pada masa depan memberi penekanan kepada Pengurusan Sumber Air Bersepadu yang menjadi inti pati Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Konsep itu adalah dengan menyepadukan semua sumber air dan mengambil kira pertimbangan untuk guna-

Bagi mencapai DEB lebih banyak peluang kepada pihak swasta dan kerajaan dapat diwujudkan sakali gus menggalakkan penyertaan syarikat swasta Bumiputera atau bilangan pengurus Bumiputera bagi memenuhi dasar itu.

Kebimbangan terhadap dasar penswastan timbul kerana akan berlaku beberapa pemindahan hak milik 'national monopoly' yang sepatutnya dikendalikan sektor awam kepada syarikat swasta. Pemindahan itu dikhuatiri boleh menyebabkan kenaikan kos, harga dan agihan pendapatan yang tidak serata disebabkan monopoli berkenaan.

Bagaimanapun, jika dasar ini dikaji secara mendalam dan dipraktikkan dengan sempurna selepas mengambil kira kemungkinan penyalahgunaan kuasa monopoli di atas, ia akan dapat menyediakan satu perkhidmatan lebih cekap, cepat dan murah kepada pengguna dan secara tidak langsung mempercepatkan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara.

Saya merujuk rencana ditulis, Timbalan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Zaini Ujang, di akhbar *Berita Harian* pada 6 Jun 2007 berkaitan dasar penswastan bekalan air negara.

Beliau mengungkap beberapa idea mengenai keperluan sistem pengurusan pembekalan air dan pembedaan yang lebih holistik, efektif, mapan dan berdaya maju.

Ia satu usaha pemikiran positif yang

perlu diambil kira kerana usaha yang membawa kepada kebaikan dan kesejahteraan mestilah disokong rakyat dan bukannya dicantas serta ditolak tanpa usul periksa.

Isu pembekalan air dan sumber makanan negara tidak harus dipolitikkan atas dasar kepentingan individu mahupun organisasi tertentu kerana ia mampu mengancam kestabilan dan keselamatan negara. Adakah kepentingan pihak tertentu mengatasi kepentingan rakyat? Seharusnya tidak timbul isu 'memiliknegarakan' perkhidmatan air, apatah lagi isu 'air dalam hak asasi manusia' seperti disuarakan beberapa badan bukan kerajaan dan individu tertentu sejak kebelakangan ini. Jika dibiarkan berlarutan akan menyebabkan cetusan tsunami yang tidak disangka satu hari nanti.

Seperti yang kita sedia maklum, air sangat penting dalam kehidupan harian manusia dan semua masyarakat mempunyai kepentingan ke atasnya kerana air mempunyai peranan dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Air juga satu faktor kritikal menentukan kesejahteraan dan tahap kesihatan manusia sejagat. Namun demikian, apa yang kita boleh perhatikan sekarang ialah air sudah menjadi satu sumber yang semakin berkurangan di kebanyakan negara.

Kekurangan sumber serta peningkatan permintaan air adalah akibat pembaziran penggunaan serta pencemaran sumber air

dalam pengurusan berkaitan rawatan hingga pengebilan, manakala sumber air dan kawasan tadahan kekal di bawah kuasa kerajaan negeri.

Di samping itu, pembabitan dan sumbangan yang diberikan oleh pihak swasta dalam sektor pembekalan air tidak harus dilupakan. Satu kerjasama menyeluruh dan konsep hubungan integrasi perlu diwujudkan bagi memastikan SPAN dan operator perkhidmatan air di Malaysia dapat bergerak bersama bagi menyumbang kepada sistem pembekalan air yang cekap, mapan dan berdaya maju.

Kita seharusnya sedar dan memperbaiki kelemahan menerusi kesilapan dan kegagalan yang berlaku kepada sistem pembekalan air lampau yang mempunyai pelbagai masalah pengurusan, kewangan dan juga sokongan. Pihak operator perkhidmatan air tidak mampu melaksanakan tugas diamanahkan jika pengawalan dan sokongan padu tidak diberikan secara telus oleh kerajaan dari segi bantuan pengurusan, kewangan dan sebagainya.

Banyak pembabitan dan sumbangan yang dicurahkan oleh operator perkhidmatan air di negara kita seperti Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dalam membantu menjayakan DEB.

Antaranya meningkatkan pembabitan usahawan Bumiputera dalam sektor pembekalan air, memberi peluang khusus ke-

tanah, alam sekitar, pembangunan ekonomi dan sosial dalam pengurusan sumber air.

Menerusi konsep ini, pengurusan sumber air di negara kita dapat diuruskan dengan lebih cekap dan bersepadu yang meliputi semua rantai nilai dalam kitaran air iaitu bermula sumber air, rawatan, pengalihan dan juga pembedaan.

Oleh itu, pengurusan air yang efektif perlu merangkumi sumber air dan jenis air sisa lain, terutama air sisa industri dan air sisa bukan tandas. Pengurusan sumber air bersepadu hanya dapat dilaksanakan jika dasar penswastan dijalankan mengikut terma yang dipersetujui tanpa diganggu gugat anasir luaran yang boleh menggugat kestabilan sektor perkhidmatan air.

Hakikatnya, kita memerlukan sistem urus tadbir dan kemudahan perkhidmatan air yang terancang, dilaksana, dikawal selia dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa tanpa dihalang isu lapuk seperti pertindihan kuasa dan kelewatan, kerana kerenah pelbagai tahap rantai sistem birokrasi dalam meluluskan sesuatu cadangan dan kekurangan peruntukan.

Kini, perkembangan perkhidmatan air sangat lembap kerana masih bergantung kepada projek kerajaan, berbanding sektor utiliti lain seperti tenaga dan komunikasi. Dalam hal ini, komitmen pihak swasta penting untuk memperkenalkan lebih banyak inovasi teknologi dan perkhidmatan.